


TARIKH: 13/12/23
SURAT KHABAR: KOSMO.
MUKA SURAT: 5

Kosmo
13/12/23

Negara! 5



SIVAKUMAR memberi bayangan akan terus menyokong Kerajaan Madani meskipun digugurkan daripada jawatan menteri.

Sivakumar akan terus berkhidmat, sokong Kerajaan Madani

PUTRAJAYA – Bekas Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar akan terus melaksanakan tanggungjawab sebagai Ahli Parlimen dan menyokong Kerajaan Madani pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ahli Parlimen Batu Gajah itu dalam ciapan di aplikasi X turut mengucapkan tahniah kepada barisan Menteri Kabinet terbaharu yang telah diumumkan semalam.

“Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh anggota Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang telah berurusan dengan saya di dalam KSM.

“Jika ada terdapat kesalahan dari pihak saya sepanjang menjadi Menteri,” katanya se-

malam.

Dalam hantaran itu juga, beliau turut menzahirkan ucapan tahniah buat Steven Sim Chee Keong yang dilantik menggantikan dirinya.

“Selamat maju jaya diucapkan,” ujarnya.

Terdahulu, Sivakumar merupakan satu-satunya Jemaah Menteri yang digugurkan dalam Kabinet di bawah pentadbiran Anwar pada kali ini.

Selain itu, pada rombakan kali ini turut menggugurkan dua timbalan menteri iaitu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Ramkarpal Singh dan Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Siti Aminah Aching.